

KERATAN AKHBAR

'Kami tidak mahu terus jadi buta huruf'

GUA MUSANG: Biarpun ada yang sudah berusia lebih 50 tahun, sekumpulan Orang Asli suku Temiar di Pos Tuel, dekat sini bersemangat belajar membaca, menulis dan mengira kerana tidak mahu terus selamanya menjadi buta huruf.

Seramai 25 penduduk dewasa berusia antara 25 hingga 55 tahun di pos tersebut kini tekun mengikuti Kelas Pendidikan Literasi Fungsian Orang Asli (PLFOA) percuma kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) sejak dua bulan lalu.

Suri rumah, Mariam Alang, 54, berkata, kelas seumpama itu sudah lama dinantikan golongan dewasa yang buta huruf di kawasan pedalaman seperti ini.

Katanya, sebelum ini dia tidak pernah bersetokolah dan kekurangan itu menyebabkan dia tidak mampu mengajar sendiri anak-anaknya membaca dan menulis di rumah.

"Saya bersyukur dapat mengikuti kelas bimbingan Kemas ini. Kini kami sudah mula mampu membaca, menulis dan mengira tetapi belum mahir sepenuhnya."



IBU bapa Orang Asli suku kaum Temiar mengikuti kelas PLFOA di Pos Tuel, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

"Kami berharap kelas ini terus dibuka tahun depan di pos ini dan juga di pos-pos lain kerana masih ramai golongan dewasa Orang Asli yang buta huruf,"

katanya ketika ditemui pemberita di Pos Tuel di sini, semalam.

Seorang lagi pelajar, Zaman Pandak, 55, berkata, masyarakat Orang Asli harus merebut pe-

luang serta kemudahan yang disediakan secara percuma oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Sementara itu, Guru Ke-

las Perintis PLFOA Kemas Pos Tuel, Nor Haslina Halim pula mengakui kelas itu mendapat sambutan golongan ibu bapa Orang Asli.

KETERANGAN AKHBAR